PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

16 – 31 Mac 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

# "Pemergian Ahmad Bakhtiar satu kehilangan buat polis"

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB** & **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng merakamkan takziah atas pemergian Timbalan Ketua Polis Timur Laut, Allahyarham Supritendan Ahmad Bakhtiar Kassim.

Bagi beliau, arwah merupakan seorang yang dedikasi dan amat dihormati sepanjang menjalankan tugas di Pulau Pinang.

"Saya dengan penuh dukacita ingin merakamkan ucapan takziah buat keluarga Allahyarham...yang telah meninggal dunia secara mengejut.

"Sesungguhnya, negara kita telah kehilangan seorang pegawai polis yang berani dan benar. Saya akan selalu mengingati dan menghargai jasanya yang tidak terhingga," ujar beliau dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Allahyarham, 54 tahun dilaporkan terjatuh selepas bermain badminton bersama-sama rakan di sini baru-baru ini.

Allayarham Ahmad Bakhtiar, yang telah berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selama lebih 20 tahun, meninggalkan seorang isteri dan tiga cahaya mata.

Jenazah Allahyarham dibawa pulang ke kampung halamannya di Alor Setar, Kedah untuk disemadikan.

Sementara itu, dalam menghargai jasa dan sumbangan Allahyarham, Kerajaan Negeri baru-baru ini telah menyampaikan sumbangan RM 5,000 kepada isteri Allahyarham, Rosnah Ahmad, 49.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas keprihatinan mereka. Wang ini akan digunakan untuk kegunaan anak-anak yang masih bersekolah," ujarnya yang menyifatkan suaminya seorang yang penyayang, penyabar dan seorang ketua keluarga yang bertanggungjawab.



**KETUA Menteri menyampaikan cek sumbangan kepada Rosnah Ahmad (dua dari kiri) disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kanan sekali) dan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Ayob Yaakob (kiri sekali) pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Keluarga Allahyarham di sini baru-baru ini.**



**ALLAHYARHAM menghalang perusuh-perusuh Himpunan Hijau 2.0 bertindak ganas terhadap Ketua Menteri di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**

# Resah Melayu kampung Tanjong Tokong

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

”PEMBANGUNAN menjamin hak, bukan menghilangkan hak”..

”Berfikirlah sebelum bertindak!!! Mengapa Uda tidak mahu sain (tandatangan) perjanjian dengan penduduk. Mesti nak tipu...”

Itulah antara dua plakad yang ditampal pada dinding-dinding rumah perkampungan Melayu di Tanjong Tokong dekat George Town.

Pada laluan alternatif ke kampung tersebut, kelihatan kain rentang menyindir pemaju yang berbunyi “10 sifat mulia *Uda Holdings Berhad* (UDA).”

Tidak sesiapapun rakyat, rata-rata Melayu menurunkan kain rentang penuh kontroversi itu, seolah-olah memberi isyarat kepada UDA supaya tidak terus berdalih dengan Melayu di kampung berkenaan.




**KAIN rentang yang digantung menyindir pemaju yang digantung di tepi laluan utama.**



**MOHD. Omar Zainuddin.**



**MOHAMAD Musannif Zainal Abidin.**

Dari kain rentang itu, membawa Buletin Mutiara ke sebuah dewan kayu yang menjadi bilik gerakan Persatuan Suara Penduduk Kampung Tanjong Tokong (PSPKTT).

Dewan itu masih berdiri teguh bersama kira-kira 1,200 atau 97 peratus penduduk yang terus bergelut mempertahankan hak mereka dari dalih pemaju walaupun hampir 50 peratus telahpun berpindak ke ‘rumah panjang’ sementara.

Rumah dan tanah yang dikosongkan telahpun diranapkan. Pagar-pagar dawai telahpun didirikan di situ selepas penduduk berkenaan membeli harapan daripada pemaju.

Pengerusi PSPKTT, Mohamad Musannif Zainal Abidin, 50 yang melakukan kerja-kerja kampung sebagai sumber rezeki berkata, pihaknya bersedia memberi kerjasama dengan pemaju dengan empat syarat yang telah dimaklumkan kepada pihak UDA.

“Kami terpaksa cermat dalam semua ini supaya kami tidak lagi ditipu oleh pemaju.

“Tanpa dokumen perjanjian yang sah pun, berebut-rebut sebahagian kami keluar (ke rumah panjang sementara), tak tahu tiga tahun atau mungkin 10 tahun mereka ditempatkan di sana sebab tidak dinyatakan dalam perjanjian,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Tanjong Tokong berkata, sepatutnya di atas tanah tersebut pun dibangunkan projek urbanisasi Melayu, bukan projek komersial sebagaimana sekarang.

Buletin Mutiara difahamkan, sebahagian tanah Tanjong Tokong diserahkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak kepada UDA pada awal 1970-an dulu atas harapan dimajukan untuk urbanisasi semula Melayu di tanah bernilai tinggi itu. Malah, sebahagian lain dari tanah milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu, difahamkan, dijual kepada UDA serendah RM1 sekaki persegi untuk memastikan syarikat berkaitan kerajaan pusat (GLC) tersebut masih membina keuntungan selain memelihara kepentingan syarikat.

Nada yang sama turut disuarakan oleh seorang lagi ahli jawatankuasa PSPKTT, Mohd. Omar Zainuddin, 49, yang juga berkerja sendiri.

“Apabila kami rujuk surat tawaran yang dikeluarkan oleh UDA, peguam yang kami lantik sendiri kata surat itu tidak menguntungkan kedua-dua pihak (pemaju dan penduduk).

“Seolah-olah ada helah. Kami semacam cuba ditipu demi membina projek komersial di atas tanah ini,” ujar beliau.

Beliau berkata penduduk tidak menyalahkan pemaju sekiranya mahu membina rumah mewah di atas tanah tersebut.

Namun katanya, pemaju wajar memberi jaminan rumah baru yang munasabah secara percuma kepada penduduk berwajib.

“Kami cuma nak jaminan, dapat rumah yang seperti yang dipersetujui bersama. Sebab itu, perlu ada perjanjian yang adil di antara pemaju dan kami sebelum tanah ini dikosongkan,” ujarnya.

## SINDIR MUTIARA

*Oleh: SAM*





AHLI Dewan Undangan Negeri Air Hitam, Wong Hon Wai (berdiri, kanan sekali) membantu salah seorang warga emas yang hadir menerima sumbangan.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kiri sekali) mendukung seorang anak emas sambil diperhatikan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy (depan, tengah) pada majlis penyampaian sumbangan peringkat Daerah Seberang Perai Tengah.

# Warga emas dihargai, janji sumbangan anak emas dikotai

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF** & **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Janji dikotai. Buat tahun ketiga, wang penghargaan RM100 bagi menghargai jasa dan pengorbanan warga emas melalui Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) telah dijalankan secara serentak di kelima-lima daerah di sini baru-baru ini.

Malah, seminggu selepas itu, sumbangan RM200 kepada bayi yang dilahirkan pada 1 Januari 2011 ke atas juga telah disempurnakan melalui Program Penghargaan Anak Emas.

Lazimnya, upacara tersebut merupakan simbolik sumbangan daripada dividen anti-rasuah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang sepanjang empat tahun memerintah negeri dengan bersih, beramanah, cekap dan berintegriti. Malah, sumbangan juga diberikan tanpa mengira perbezaan kaum, agama mahupun fahaman politik.

Penyampaian tahun ketiga PPWE adalah membabitkan seramai 128,437 warga emas iaitu Daerah Barat Daya mencatat 11,749 ; Daerah Timur Laut (57,748) ; Seberang Perai Tengah (24,220) ; Seberang Perai Selatan (10,021) dan Seberang Perai Utara (24,699).

Manakala bagi Program Penghargaan Anak Emas fasa ketiga, ia membabitkan seramai 2,644 bayi. Pecahannya adalah 452 bayi dari Daerah Barat Daya, Daerah Timur Laut (698), Seberang Perai Utara (648), Seberang Perai Selatan (299) dan Seberang Perai Tengah (547).

Seorang warga emas yang menerima wang sumbangan di Maybank Jalan Tenggiri, Seberang Jaya, Zainad Mat Noor, 74, berasa amat bersyukur dengan sumbangan yang diterima beliau.

"Saya bersyukur dengan Kerajaan Negeri yang prihatin. Kali ini dah tahun kedua makcik terima sumbangan. Bukan orang nak beri duit senang-senang. Bila bagi kena la terima," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Asma Musi, 63, ketika ditemui di Maybank Cawangan Bagan Luar, Seberang Perai Utara di sini turut mengucapkan terima kasih kepada pucuk kepimpinan negeri yang memberi sumbangan khas kepada warga emas sepertinya.

"Terima kasihlah sebab Guan Eng (Ketua Menteri) beri RM100. Walaupun tak banyak, duit ini bermakna bagi saya," ujarnya yang turut menerima sumbangan sama pada tahun lalu.

Sementara itu, bagi menyempurnakan sendiri sumbangan kepada anak-anak emas Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah mengambil insiatif khas untuk hadir pada setiap majlis penyampaian yang dijalankan dalam tempoh dua hari secara berturut-turut.

Katanya, sebagai kerajaan yang berjiwa rakyat dan berkonsepkan negeri berkebajikan, sumbangan RM200 yang diberikan sedikit sebanyak dapat memenuhi keperluan bayi untuk membesar di samping meringankan beban ibu bapa dalam penyediaan keperluan bayi mereka.

"Sumbangan ini merupakan satu sumbangan kepada generasi baru yang bakal menjadi pemimpin dan pelapis pada masa akan datang.

"Atas dasar keprihatinan Kerajaan Negeri yang berpegang kepada prinsip perbelanjaan berhemah, berjimat cermat dan urus tadbir yang cemerlang (Cekap, Akauntabel, Telus), kita akan lebih proaktif dalam melaksanakan program-program dan bantuan kebajikan demi menjamin keharmonian hidup rakyat Pulau Pinang terus dipelihara," ujar beliau.



ANAK emas di majlis penyampaian peringkat daerah Timur Laut.

# Gabenor Bangkok sanjung pentadbiran berintegriti Kerajaan Negeri




**SUKHUMBAND Paribatra (kiri sekali) menyampaikan ucapan beliau sambil diperhatikan Anwar Ibrahim (duduk, kanan sekali), Ketua Menteri dan Mansor Othman (dua dari kiri) sempena penganjuran Forum Pembangunan Ekonomi dan Demokrasi ASEAN, di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kunjungan Gabenor Bangkok, Sukhumbhand Paribatra ke George Town baru-baru ini mengakrabkan lagi hubungan di antara dua kerajaan tersebut.

"(Hubungan) ini diharap senantiasa harmoni dan bermanfaat bagi kedua-dua kota berkembar (George Town dan Bankgok) khususnya ketika kota kita menyaksikan banjir yang teruk di Bangkok pada tahun lepas," ujarnya dalam Forum Pembangunan Ekonomi dan Demokrasi ASEAN, di sini.

Turut berucap, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Datuk Seri Anwar Ibrahim (Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia) dan Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang).

Menurut Sukhamband, pentadbiran Guan Eng yang memperjuangkan integriti wajar disanjung.

Begitu juga berpendapat, perjuangan Anwar dalam membawa agenda perubahan rakyat di tanah air ini juga wajar disambut oleh rakyat tempatan.

Sebelum diumumkan menang dalam pilihanraya gabenor bandar raya Bangkok pada 11 Januari lepas, Sukhumbhand dikenali sebagai seorang cendekiawan dan ahli politik yang berprinsip dan pernah menjadi professor di Universiti Chulalongkorn.

Sukhumbhand merupakan Menteri Luar Thailand ketika Anwar menyandang jawatan Menteri Kewangan sebelum ini.

# Konvensyen Media Baru sepakat perjuang kebenaran, lawan fitnah!

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Hampir 100 pengguna *Facebook*, *Twitter* dan blog diiktiraf sebagai 'rakan perubahan' dalam Konvensyen Media Sosial 2012 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ketua Menterinya, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan ucaptama, berharap penggiat media baru 2.0 akan membantu Kerajaan Negeri dalam menghadapi fitnah pihak pembangkang di negeri berkenaan.

"Kita tak nak (pengamal) media sosial menyebelahi Pakatan Rakyat secara sentimen semata-mata, tapi kita nak mereka bersama pihak yang benar.

"Dengan kebenaran bermaklumat sahaja boleh lawan fitnah (pembangkang) UMNO terhadap perubahan yang dibuat oleh (kerajaan) negeri (Pulau Pinang) ini," ujarnya pada Majlis Pelancaran Konvensyen Media Sosial di sini baru-baru ini.

Bagi beliau, politik fitnah yang dilakukan oleh '*cybertrooper*' upahan UMNO ini seakan mengulangi propaganda Nazi semata-mata.

"Kalau diulang 1,000 kali fitnah, ia akan jadi fakta seperti (pada) era Nazi...kita saman (akhbar Utusan Malaysia) dan menang, maka ia bendung 1,000 fitnah hingga (dianggap) menjadi fakta," ujar beliau.

Turut berpidato dalam konvensyen itu, Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang, Hata Wahari (bekas Presiden Kesatuan Wartawan Kebangsaa, NUJ), Hishammuddin Rais (aktivis budaya merangkap blogger, Tukar Tiub), Datuk Abdul Halim Hussain (Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang) serta Zairil Khir Johari (Setiausaha Politik kepada Setiausaha Agung DAP).



**KETUA Menteri, Hishammuddin Rais (kanan sekali) dan Hata Wahari (kiri sekali) tekun mengikuti sesi taklimat oleh salah seorang penceramah jemputan pada Konvensyen Media Sosial 2012 Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Mengapa SKMM tidak siasat?

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Kewibawaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terus dipersoal gara-gara tidak menyiasat beberapa blogger mesra UMNO yang didakwa menfitnah keluarga Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Pegawai Khas kepada Ketua Menteri, Zairil Khir Johari berkata, tiada siasatan ke atas blogger, PapaGomo, *Umno-Online* dan Pisau.net seakan mencerminkan bahawa SKMM cuba untuk melindungi blogger mesra UMNO berkenaan.

"Adakah SKMM sedang 'cuci tangan', tidak mahu siasat aduan yang saya buat sebelum ini," ujarnya pada sidang media di Komtar, di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai surat maklum balas SKMM bertarikh 20 Februari lepas yang diterima, Zairil berkata, suruhanjaya itu seakan cuba berdolak-dalih demi melindungi tiga blogger mesra UMNO tersebut.



**ZAIRIL Khir Johari dan Ng Wai Aik mempamerkan surat maklum balas yang diterima daripada SKMM pada majlis sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.**

"Surat SKMM yang didedah itu antara lain menyebut, "Untuk makluman Tuan, siasatan kes ini telah dilakukan oleh PDRM dan dibantu oleh SKMM. Pihak kami tidak akan menjalankan siasatan memandangkan kes ini adalah sama," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan Buletin Mutiara mendapati, surat SKMM itu dikeluarkan atas nama Pemangku Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan Keselamatan Digital SKMM, Eneng Faridah Iskandar.

Maka, Zairil mempersoal jawapan maklum balas surat SKMM itu.

"Laporan polis disiasat oleh polis. Laporan SKMM disiasat oleh SKMM di bawah (Seksyen 211) Akta Komunikasi dan Multimedia (1998).

"Adakah kes ini sedang disiasat (oleh) SKMM? Jika masih disiasat, siasatan atas akta apa?" soal beliau.

Pada 10 Ogos tahun lepas, satu laporan polis telah dibuat mengenai sesawang *UMNO-Online* yang melemparkan fitnah palsu terhadap anak lelaki Guan Eng. Dalam pada itu, aduan turut dilaporkan kepada SKMM selepas PapaGomo pada 7 Februari lepas menyiarkan artikel fitnah berjudul "Lim Guan Eng Nenen Memang SIAL - Ibrahim Ali".

Justeru, Zairil dan Setiausaha Politik kepada Guan Eng, Ng Wei Aik mempersoal kewibawaan SKMM dalam memerangi jenayah siber serta budaya pornografi yang digalakkan oleh blogger-blogger mesra UMNO berkenaan.

# RMK-10: Mengapa Kerajaan Pusat diskriminasi rakyat Pulau Pinang?

**GEORGE TOWN –** Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dinasihatkan supaya tidak terus meminggirkan serta mendiskriminasi rakyat Pulau Pinang dari segi agihan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Najib yang juga Menteri Kewangan I wajar menambah peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari RM2.88 bilion kepada lebih RM7.2 bilion.

"Memandangkan bahawa RMK-10 telah ditambah sebanyak 10 peratus berbanding RMK-9, maka, jumlah peruntukan untuk Pulau Pinang juga harus ditambah 10 peratus daripada RM6.54 bilion di bawah RMK-9 kepada RM7.2 bilion di bawah RMK-10.

"Kegagalan Kerajaan Persekutuan berbuat demikian akan dilihat sebagai tindakan terus meminggirkan rakyat Pulau Pinang atau diskriminasi terhadap negeri Pulau Pinang," ujar beliau pada satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambah beliau, agihan Peruntukan Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepatutnya lebih setimpal dan adil sungguhpun negeri berkenaan ditadbir oleh Pakatan Rakyat.

Ini kerana katanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, hakikatnya, dipilih oleh rakyat secara demokratik pada pilihan raya umum lepas.

Justeru katanya, pentadbiran Najib seharusnya sedar bahawa Pulau Pinang turut menyumbang kepada pusat melalui pembayaran cukai dan duit.

Buletin Mutiara difahamkan, kutipan cukai untuk tahun 2011 direkodkan paling tinggi dalam sejarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) iaitu sebanyak RM30.397 bilion.

Itu, belum dihitung rekod Pulau Pinang sebagai jaguh pelaburan di negara ini selama dua tahun berturut-turut sejak dua tahun lepas. Pelaburan asing langsung (FDI) Pulau Pinang pada tahun 2010 adalah tertinggi, iaitu sebanyak RM12.24 bilion dan RM9.1 bilion untuk tahun 2011.

Rekod FDI 2010 tersebut sekaligus memperlihatkan Pulau Pinang menyumbang 36 peratus kepada keseluruhan FDI negara sungguhpun, rakyat di negeri berkenaan hanya 6 peratus daripada populasi rakyat negara.

Jawapan bertulis Najib pada sidang Dewan Rakyat lepas mendedahkan kerajaan pusat hanya memperuntukan RM2.88 bilion bagi melaksanakan 259 program/projek di bawah RMK-10 di Pulau Pinang.

Peruntukan itu adalah bersifat '*rolling plan*' pertama RMK-10. Dari peruntukan itu, RM873.43 juta bagi melaksanakan 50 projek pembinaan jalan dan jambatan demi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Dalam pada itu, persekutuan telah memperuntukkan RM234.96 juta bagi melaksanakan 30 projek untuk mengatasi masalah banjir kilat dalam tempoh RMK-9 hingga rolling plan pertama RMK-10.

# DSAI yakin rakyat sokong integriti KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS –** Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng akan terus menerima sokongan rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-13 kelak.

Ahli Parlimen Permatang Pauh yang juga merangkap Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia itu berkata demikian berdasarkan rekod Kerajaan Negeri yang menyerlah dalam pelaksanaan budaya integriti serta anti rasuah melalui kempen Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).



ANWAR Ibrahim (tengah, berbaju putih) berjabat tangan dengan para hadirin pada Majlis Makan Malam Bersama Rakyat Sempena Hari Bersejarah 308 di sini baru-baru ini.

"Dari 100 polisi perubahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, saya mungkin bersetuju 40 atau 20 (polisi) sahaja.

"Tetapi, apa yang membezakan pentadbiran Guan Eng dengan (pentadbiran) UMNO, dia (Guan Eng) tak curi atau rasuah dengan menggunakan wang rakyat, pemimpin UMNO (didedah) curi, pecah amanah, boros wang rakyat. Inilah kekuatan Guan Eng untuk terus dipilihan rakyat," ujarnya pada Majlis Makan Malam Bersama Rakyat Sempena Hari Bersejarah 308 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Datuk Abdul Halim Hussain (Speaker Dewan Undangan Negeri), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Negeri), S. Raveentheran (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban), Sim Tze Tzin (ADUN Pantai Jerejak), Ng Wei Aik (ADUN Komtar) dan Datuk Chua Jui Meng (bekas Menteri Kesihatan merangkap Naib Presiden PKR).

Kata Anwar, integriti di Pulau Pinang telah menarik pelaburan asing langsung (FDI) paling tinggi pada tahun 2010, iaitu sebanyak RM12.2 bilion.

"Pencapaian itu telah melonjak imej Pulau Pinang di peringkat antarabangsa sehingga diiktiraf oleh majalah global, *The Economist* dan *Bloomberg*.

"Usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru dalam memerangi rasuah sejak Mac 2008 turut menerima pengiktirafan badan bebas dunia, *Transperency International* (TI)," katanya.

Beliau menambah, pilihan raya kali ini akan menjadi medan pertembungan idea serta polisi di antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional.

Disebabkan itu, ujarnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak wajar menerima cabaran debat terbuka beliau mengenai masa depan ekonomi tanah air.

"Pilihan raya kali ini bukan sekadar tukar kerajaan satu atau dua Kerajaan Negeri (dari Barisan Nasional ke Pakatan Rakyat) semata-mata, pilihan raya kali ini adalah pilihan raya terbaik untuk tukar tukar kerajaan pusat.

"Pilihan raya kali ini bukan sekadar Barisan Nasional bertempur dengan Pakatan Rakyat. Pilihan raya kali ini adalah pertembungan antara idea dan nilai yang menuntut rakyat memilih yang terbaik untuk masa depan mereka dan negara," tegas beliau.

# PKMPP sokong cadangan empat projek infra

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Pulau Pinang (PKMPP) menyatakan sokongan mereka terhadap hasrat Kerajaan Negeri untuk membina empat projek infrastruktur yang dicadangkan di sini sebelum ini.

Projek-projek infrastruktur berkenaan adalah terowong bawah laut (6.5 km dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam, berdekatan dengan Butterworth) ; jalan menghubungkan Tanjung Bungah dengan Teluk Bahang (15 km) ; jalan pintas dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (5 km) dan jalan pintas dari Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (5 km).

Menurut Timbalan Yang DiPertua PKMPP, Datuk Izham Omar Merican, pihaknya sangat mengalu-alukan projek-projek tersebut kerana ia bertujuan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di Pulau Pinang serta akan memacu pembangunan ekonomi negeri, terutamanya di Seberang Perai Utara (SPU).

"Projek-projek yang dicadangkan akan membawa faedah kepada semua rakyat SPU termasuk masyarakat Melayu yang merupakan majoriti penduduk di SPU. Justeru, terowong bawah laut yang menghubungkan Bagan Ajam dengan Persiaran Gurney akan menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi yang kritikal.

"Terowong bawah laut ini sekaligus bakal memastikan bahawa orang Melayu di SPU dapat menikmati pembangunan yang setara dengan kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang. Tambahan pula, kami yakin bahawa projek-projek ini, khususnya terowong bawah laut tidak akan mendatangkan apa-apa kesan yang mudarat kepada para penghuni kawasan-kawasan terbabit. Malah, kami rasa ia akan membawa kemajuan kepada mereka," katanya pada majlis sidang akhbar di Komtar di sini baru-baru ini.




IZHAM Omar Merican (tiga dari kanan) menyerahkan kenyataan beliau kepada Ketua Menteri yang menyatakan sokongan kepada Kerajaan Negeri berhubung cadangan pembinaan empat projek infrastruktur yang dicadangkan di sini sebelum ini.

Tambah beliau, pihaknya juga bersetuju dan yakin dengan janji Kerajaan Negeri bahawa semua prosedur dan peraturan yang berkenaan akan dituruti, seperti proses rundingan umum untuk rekabentuk, pemilihan laluan dan juga kajian kesan alam sekitar.

"Semua proses ini hendaklah dipersetujui terlebih dahulu sebelum kelangsungan projek-projek tersebut. Sekiranya terdapat masalah yang tampil semasa proses tersebut, dan jika projek-projek tersebut didapati kurang sesuai, maka ia tidak akan dilaksanakan," ujarnya.

# Steven Sim, anak jati Pulau Pinang diiktiraf dunia

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Eksekutif Kanan Institut Pulau Pinang (PI), Steven Sim Cheng Keong merupakan salah seorang dari dua anak Malaysia yang dipilih dunia sebagai '*Young Global Leader*' oleh *World Ekonomic Forum* baru-baru ini.

Seorang lagi, Ahli Parlimen Lembah Pantai merangkap Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar.

Kedua-dua 'anak Malaysia' itu tergolong dalam 191 pemimpin muda sedunia daripada 59 negara yang menerima pengiktirafan berprestij pada tahun ini.

Pengiktirafan itu sekaligus meletakkan mereka sebaris dengan pengasas *Google*, Larry Page dan David Cameron (Perdana Menteri United Kingdom).

Mereka diiktiraf serta diberi penghormatan berdasarkan kriteria kepemimpinan yang cemerlang, pencapaian profesionalisme serta komitmen masing-masing kepada masyarakat.

Zairil Khir Johari selaku Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) di PI dalam satu kenyataan media menganggap pemilihan Cheng Keong sebagai suatu kebanggaan bagi rakyat Pulau Pinang dan negara ini.

"PI amat berbangga bahawa salah seorang daripada kita telah dipilih untuk penghormatan berprestij ini. Steven Sim (Cheng Keong), bukan sahaja membuatkan institut (Pulau Pinang) bangga, (bahkan) beliau turut membawa kebanggaan dan kegembiraan ke Pulau Pinang dan Malaysia," ujarnya, di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Cheng Keong pernah dikenali sebagai seorang aktivis serta pemimpin mahasiswa dari Universiti Malaya (UM) ; seorang penganut Kristian yang moderat lagi sederhana.

Sebelum dipilih ke forum *Young Global Leaders*, Cheng Keong merupakan seorang pembantu yang menguruskan keseluruhan kumpulan pemikir PI supaya melonjak institusi tersebut sebagai pusat penyelidikan dasar kerajaan terkemuka di rantau ini.


STEVEN Sim Cheng Keong.

Sejak Januari 2011 sehingga sekarang, Cheng Keong turut dipilih sebagai salah seorang ahli majlis dalam Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Pulau Pinang.

Peranan Steven Sim di peringkat antarabangsa juga tidak asing apabila beliau dipilih sebagai salah seorang peserta dalam Program Kepemimpinan Antarabangsa Negara-Negara Pelawat 2009 di Amerika Syarikat dan beliau juga merupakan bekas Setiausasa Eksekutif di *Network of Social Democracy* in Asia.

PERMOHONAN RUMAH KOS RENDAH / SEDERHANA RENDAH

SILA KEMASKINI MAKLUMAT ANDA!

申请廉价屋 / 中廉价屋
请更新您的资料

நடுத்தர/ மலிவு விலை வீடுகளுக்கான விண்ணப்பம்
உங்கள் விபரங்களைப் புதுப்பித்துக்கொள்ளுங்கள்

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web http://erumah.penang.gov.my
atau Tel : 04-650 5392 / 04-650 5336 Emel : erumah@penang.gov.my

BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
TINGKAT 20, KOMTAR
10503 PULAU PINANG



MULAI DARI 15 DISEMBER 2011 KE 31 MAC 2012

**Permohonan sebelum tahun 2008 perlu dikemaskini maklumat. Selepas dikemaskini, baru layak untuk ditawarkan rumah.**

Borang pengemaskinian PN2 boleh didapati di:
-Pejabat Wakil Rakyat
-Pejabat Daerah Dan Tanah
-Pejabat Rancangan Perumahan
-Bahagian Perumahan Tingkat 3 dan 20, Komtar

从2011年12月15日至2012年3月31日
只有在2008年前申请者需要更新资料,
只有在资料更新后才有资格获得献议房屋。

更新表格(PN2)可在以下地点获得：
- 人民代议士办公室
- 县属办公室
- 政府组屋房屋部办公室
- 光大3楼和20楼房屋部

15 டிசம்பர் 2011 முதல் 31 மார்ச் 2012 வரை

2008-ஆம் ஆண்டிற்கு முன்னர் விண்ணப்பித்தவர்கள் விபரங்களைப் புதுப்பிக்க வேண்டும். புதுப்பிக்கப்பட்ட பிறகே வீடுகள் பெற தகுதி பெறுவர்.

விண்ணப்பப் படிவங்கள் (பி.என்.2) இவ்விடங்களில் பெறலாம்:
- மக்கள் பிரதிநிதிகளின் அலுவலகம்
- நில மற்றும் வட்டார அலுவலகம்
- வீடமைப்பு திட்டத்தின் அலுவலகம்
- வீடமைப்புப் பிரிவு 3 மற்றும் 20-ஆம் மாடி, கொம்தார்

# Ibu tunggal Air Itam dibantu

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**AIR ITAM –** Bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai bukan sahaja telah menghadiahkan bunga sebagai tanda penghargaan kepada para wanita di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)nya, malah, turut mengunjungi seorang ibu tunggal yang pernah dibantunya sebelum ini.

Sebelum ini, Hon Wai bukan hanya melancarkan kutipan derma bagi membiayai kos rawatan mendiang suami ibu tunggal, Gan Mei Mei, 36, (meninggal dunia Ogos tahun lalu) yang mengidap penyakit kanser hidung. Malah, selepas pemergian mendiang suaminya, Hon Wai turut membantu mendapatkan sebuah unit kediaman dengan sewa bulanan serendah RM110 kepada keluarga terbabit.

Pada masa sama, Hon Wai yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian turut komited untuk membantu keluarga berkenaan sehingga empat anaknya mencapai usia 18 tahun.

Mei Mei berkata, selepas suaminya meninggal, beliau telah kehilangan sumber pendapatan lalu meminta bantuan daripada Hon Wai. Dengan bantuan daripada ADUN Air Itam berkenaan, barulah mereka dapat berpindah ke rumah yang didiami sekarang dengan sewa bulanan yang amat murah.

"Bantuan tersebut banyak membantu kami sekeluarga kerana saya tidak boleh keluar bekerja memandangkan anak bongsu yang baru mencecah usia setahun memerlukan perhatian penuh,'' katanya pada sesi lawatan khas Hon Wai dan isteri ke kediamannya di sini baru-baru ini.



**WONG Hon Wai (kiri sekali) bertanyakan keadaan Gan Mei Mei serta anak-anaknya sempena lawatan khas beliau ke kediaman ibu tunggal tersebut di sini baru-baru ini.**

# Pemilik Kafe Do Re Mi kesal publisiti negatif babitkan Kerajaan Negeri

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pemilk Kafe Do Re Mi, Johar Ismail yang pernah menjadi kontroversi dua tahun lalu selepas pihak berkuasa tempatan bertindak merobohkan premis tanpa lesennya memohon maaf kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas publisiti negatif yang diterima ekoran kejadian menimpanya.

Johar di dalam suratnya kepada Ketua Menteri turut menyatakan kekesalan di atas kesempatan yang diambil oleh orang-orang dan organisasi tertentu berhubung isu membabitkan gerainya dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Dalam pada itu, Johar turut mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I sebanyak RM20,000 kepadanya. Malah, beliau turut berterima kasih dengan nasihat dan bantuan yang diberikan oleh Pengerusi Jawatankuasa hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim sebelum ini.

"Saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri memberikan sumbangan ini yang sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah yang dihadapi sejak peristiwa gerai dirobohkan sehingga mendapat liputan media yang meluas.

"Saya sebagai pemilik kedai merasa kesal di atas publisiti negatif yang telah dibuat dan kesempatan yang diambil oleh orang dan juga organisasi tertentu terhadap permasalahan ini," katanya pada majlis penyampaian sumbangan ringkas yang diadakan di sini baru-baru ini.

Pada masa sama, Johar turut berterima kasih dengan tawaran Kerajaan Negeri untuk memberikannya seunit gerai di Kompleks Bayu Senja, Batu Feringghi sebelum ini.

Terdahulu, Kafe Do Re Mi pernah menjadi kontroversi apabila tindakan perobohan telah dilakukan oleh penguatkuasa MPPP pada 2010 di atas sebidang tanah rizab pantai milik Kerajaan Negeri yang terletak di Tanjung Bungah.

Tindakan perobohan telah dilakukan atas dakwaan pemilik kafe tidak mempunyai lesen yang sah menjalankan perniagaan. Namun, atas inisiatif Kerajaan Negeri dan bantuan nasihat daripada Abdul Malik, pemilik telah bersetuju mengosongkan premis kafe berkenaan.



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kanan sekali) berjabat tangan dengan Johar Ismail (kiri sekali) selepas selesainya majlis penyerahan sumbangan RM20,000 oleh Ketua Menteri kepada beliau di sini baru-baru ini.**

# Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir dirasmi

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**KEPALA BATAS –** Sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan dan bakti yang telah diberikan oleh bekas Tuan Yang Terutama (TYT) Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah berbesar hati memilih dan menamakan Jalan Bertam ke Jalan Kubang Menerong sepanjang 7.3 kilometer bersempena dengan nama beliau iaitu Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir.

Tun Hamdan bukan sahaja dikenali umum sebagai Gabenor Pulau Pinang tetapi juga sebagai tokoh pendidik dan pegawai pendidikan yang terkemuka serta sebagai Naib Canselor kedua Universiti Sains Malaysia (USM). Malah, banyak sumbangan dan perubahan telah dilakukan serta ketokohan beliau yang terserlah dalam bidang pentadbiran membawa kepada pelantikan sebagai Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 1 Mei 1989.

"Pemilihan jalan ini adalah kerana sepanjang laluan tersebut terdapat beberapa institusi pendidikan terdiri daripada Malaysia Productivity Corporation, Allianze University College of Medical Sciences, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Menengah Sains dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang mana bertepatan dengan sumbangan dan minat Tun Hamdan terhadap bidang pendidikan," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa memberi ucaptama beliau pada Majlis Perasmian Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir di sini, baru-baru ini.

Majlis perasmian jalan berkenaan telah disempurnakan oleh TYT Abdul Rahman Abbas diiringi isteri, Toh Puan Hajah Majimor Shariff.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri berharap agar usaha tersebut sedikit sebanyak akan membangkitkan rasa kecintaan terhadap tokoh terbilang anak negeri Pulau Pinang dalam kalangan rakyat terutama golongan muda yang lahir selepas zaman Tun Hamdan.

Hadir sama bagi memeriahkan majlis pada pagi tersebut ialah isteri Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Yang DiPertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Shariff, Ahli-Ahli Majlis MPSP, Ketua-ketua Jabatan, Pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) serta para tetamu jemputan khas.

# Delagasi Hokkaido disambut meriah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Baru-baru ini, delegasi yang terdiri daripada 16 individu dari Pertubuhan Pelancongan Hokkaido (*Hokkaido Tourism Organization – HTO*) hadir ke Pulau Pinang dalam rangka mempromosi pelancongan Hokkaido, Jepun kepada warga Pulau Pinang.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang, Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih di atas kehadiran HTO ke negeri ini sambil menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan salah satu destinasi pelancongan sesuai untuk pelancong dalam negara dan juga luar negara terutamanya dari Jepun.

"Sungguhpun tidak mempunyai penerbangan terus ke Jepun dari sini (Pulau Pinang), jumlah kemasukan pelancong Jepun ke Pulau Pinang adalah antara yang tertinggi selain Indonesia , Singapura, China dan Amerika Syarikat pada tahun lalu," katanya ketika ucaptama Majlis Sambutan Delegasi HTO ke Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Jawatankuasa HTO (*Central Division*), Koji Wasaka berkata, walaupun Hokkaido adalah sebuah pulau yang besar, namun, penduduk di Hokkaido sebenarnya kecil.

"Kami telah menerima kemasukan pelancong yang ramai dari Malaysia dan Thailand dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Reaksi positif ini diharap dapat meningkatkan ekonomi Hokkaido," ujar Koji yang turut mempromosikan beberapa tarikan istimewa Hokkaido antaranya *Hokkaido Nobori-betsu*, gunung USU Geopark dan Musium Ainu.



**PARA delegasi HTO bergambar kenang-kenangan bersama Law Heng Kiang (berdiri, sebelas dari kiri) pada masjlis sambutan yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Pada masa sama, Koji juga melahirkan harapan bahawa Hokkaido akan mengikuti jejak langkah Pulau Pinang untuk memasang papan tanda pandu arah *bilingual* (dwi-bahasa) untuk kemudahan pelancong yang datang ke Hokkaido pada masa akan datang.

Hokkaido yang terletak di utara Jepun merupakan pulau kedua terbesar di Jepun dan mempunyai populasi penduduk lebih daripada lima juta.

# Bekas COO SPNB terajui Perbadanan Bukit Bendera

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pengalaman sebagai Ketua Operasi *Langkawi Cable Car* di bawah Syarikat Prasarana Berhad (SPNB) telah memberi keyakinan kepada Kerajaan Negeri untuk melantik Maklen Ali sebagai Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PBBPP) menggantikan Datuk Lee Kah Choon berkuatkuasa 1 March 2012 di sini baru-baru ini.

Pelantikan tersebut diumumkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PBBPP pada satu sesi bersama media di pejabatnya, di sini.

Guan Eng berkata, Maklen yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Elektrikal, Elektronik dan Sistem Kejuruteraan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Pengurusan Perniagaan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dipilih berdasarkan kreadibiliti beliau sebagai seorang jurutera yang berpengalaman luas bersama syarikat konglomerat besar seperti Telekom, Celcom dan SPNB (*Langkawi Cable Car*).

"Pelantikan ini amat bertepatan kerana beliau merupakan seorang yang berpengalaman luas selama 15 tahun bukan sahaja dalam bidang gentian telekomunikasi optik. Malah, penyertaannya bersama *Langkawi Cable Car* selama lima tahun telah berjaya mencatatkan jumlah kemasukan pengunjung tertinggi iaitu seramai 700,600 pengunjung setahun.

"Maklen akan menjadi satu nilai tambah yang sangat berharga buat pasukan kita (PBBPP) untuk mentransformasikan Bukit Bendera menjadi salah sebuah destinasi peranginan pilihan di negeri ini," ujarnya.



**MAKLEN Ali (kiri sekali) berjabat tangan dengan Lee Kah Choon (tiga dari kanan) sambil diperhatikan Ketua Menteri sempena pengumuman pelantikan beliau sebagai Pengurus Besar PBBPP di sini baru-baru ini.**

# Projek pembesaran LTABL lewat dari jadual, menteri perlu pantau

**BAYAN LEPAS –** Operasi penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) terjejas teruk apabila paras air naik mencecah satu inci di beberapa bahagian terminal rentetan hujan lebat di sini baru-baru ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam surat beliau kepada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha bertarikh 12 Mac lalu, menyatakan bahawa LTABL sejak beberapa minggu lalu berada dalam keadaan yang amat menyedihkan dan sekaligus memohon agar Cho Ha memantau projek pembesaran LTABL tersebut.

"Kerja-kerja yang dijalankan tidak sempurna sehingga menyebabkan berlakunya kebocoran dan banjir bukan sahaja di kawasan luar lapangan terbang tersebut, malah, juga di dalam terminal".

"Bencana yang terjadi ini telah menyebabkan gangguan dan memberi kesukaran kepada penumpang lapangan terbang," ujar Guan Eng yang turut menyatakan bahawa projek pembesaran lapangan terbang melibatkan peruntukan berjumlah RM250 juta kini juga lewat dari yang dijadualkan.

Tambah beliau lagi, situasi terbabit amat memalukan dan amat serius memandangkan ia (lapangan terbang) merupakan destinasi yang memberi gambaran pertama kepada para pelancong yang melawat Pulau Pinang.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Bahagian Komunikasi Korporat Malaysia *Airport Holding Berhad* (MAHB) dalam kenyataan akhbar bertarikh 15 Mac lalu, memohon maaf atas insiden yang berlaku dan berterima kasih kepada Ketua Menteri kerana prihatin dengan insiden berkenaan.



**KENDERAAN lalulintas di LTABL terjejas ekoran banjir kilat yang berlaku di sini baru-baru ini.**

Kata kenyataan itu, MAHB dalam pada itu memohon kerjasama dan kesabaran penumpang serta pengunjung LTABL memandangkan kerja-kerja penyelenggaraan masih giat dijalankan.

"Projek pembesaran dan naik taraf LTABL turut melibatkan penukaran 44 pam pemboleh tenggelam (*submersible pump*) yang mampu mengelakkan kejadian banjir atau air bertakung walaupun ketika hujan lebat. Projek yang giat dijalankan sejak setahun lalu, bakal siap sepenuhnya menjelang bulan Jun 2012," jelas kenyataan itu.

# Pameran Fotografi terbesar dunia di Pulau Pinang



Negeri seperti Pulau Pinang sudah boleh disifatkan milik PR pada PRU13 selepas melihat fenomena dan trend pilihan rakyat yang semakin relevan menerima PR di bawah pimpinan Lim Guan Eng. Kubu-kubu dan suara-suara UMNO/BN di Pulau Pinang bagaikan sudah terbenam bumi diketuk PR. Suara mereka bagaikan bingitan nyamuk yang mencari mangsa untuk menghisap darah. Namun, belum sempat singgah di badan mangsa, PR telah sembur dengan racun serangga. Jika sempat sekalipun, suntikan antibodi kepada rakyat Pulau Pinang bagaikan kebal dengan nyamuk belaan UMNO/BN. Hanya rakyat Pulau Pinang yang berada di luar lingkungan negeri sahaja mungkin terkena kerana mereka tidak melihat sendiri keperkasaan rakyat yang menetap di negeri pimpinan PR.

*Putera Pulau*






# Pertandingan Kewartawanan Hijau Pulau Pinang kembali!

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri dengan kerjasama *Penang Green Council* (PGC) menganjurkan Pertandingan Kewartawanan Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Journalism*) dan Pertandingan Video ‘*Green Penang, Green My Life*’ bagi menerapkan teras dan nilai-nilai Pulau Pinang Bersih dan Hijau.

Pertandingan Kewartawanan Hijau Pulau Pinang terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Laporan Berita dan Kategori Rencana. Bagi Kategori Laporan Berita, hadiah bernilai RM1,000 bagi setiap bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina. Manakala bagi Kategori Rencana, sejumlah RM1,200 bagi setiap bahasa turut menjadi rebutan.

Bagi pertandingan video, hadiah bernilai RM2,000 ditawarkan bagi setiap kategori iaitu kategori Rakaman Video Terbaik (*Best Production*), kategori Rakaman Video Inspirasi Terbaik (*Most Inspiring Video*) dan kategori Penata Bunyi dan Musik Terbaik (*Best Sound and Music*).

Pertandingan yang turut mendapat kerjasama Kolej Han Chiang, Kolej Damansara Utama (KDU) dan *Two Studios* menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM32,000 untuk dimenangi.

Pertandingan tersebut terbuka kepada semua wartawan professional dan tarikh tutup adalah pada 30 April 2012.

Sebarang maklumat lanjut dan syarat-syarat pertandingan, sila layari laman sesawang *http://greenstate.penang.gov.my* atau *http://www.pgc.com.my* atau hubungi talian 04 – 650 5112.

# PWDC ditubuh bagi memperkasa wanita

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Penubuhan Perbadanan Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang atau *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) baru-baru ini bukan sahaja bertujuan memberi khidmat nasihat, malah, bakal membantu Kerajaan Negeri dalam pengubalan dasar berkait pembangunan wanita pada aspek kesaksamaan jantina dan taraf sosial.



SRI Husnaini Sofjan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan, PWDC ditubuhkan pada November 2011 dan beroperasi secara rasminya bermula 3 Januari 2012 dilihat sebagai salah satu medium yang mampu merapatkan jurang masyarakat dengan pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Ini kerana, kita (PWDC) ingin memartabatkan wanita dalam sistem pentadbiran terutama penglibatan wanita dalam '*decision making*' (membuat keputusan). Dalam pada itu, kita (PWDC) juga ingin menggalakkan penglibatan wanita dalam masyarakat majmuk yang mempunyai kepelbagaian dalam etnik, kebudayaan dan kepercayaan," katanya pada majlis sidang akhbar bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Tambah Sri lagi, kesungguhan PWDC dapat dinilai dari aspek pembahagian korporat yang meliputi perancangan, pembangunan dan pelaksanaan. Malah, penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita (di bawah seliaan *Women's Centre for Change – WCC*) dan Pusat Penjagaan Kanak-kanak (di bawah Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia – JIM; *Young Women's Christian Assoction – YWCA* dan *Penang Women Entrepreneurs – PWE*) turut menjadi kayu pengukur PWDC.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan mana-mana jantina dalam semua aspek, malah, memberi pengiktirafan tertinggi kepada golongan Hawa.

"Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1.5 juta bagi pelaksanaan dan operasi PWDC dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah memperuntukkan RM800,00 bagi tujuan yang sama.

"Pihak berkuasa tempatan iaitu MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) turut memperuntukan masing-masing RM63,000 dan RM200,000 kepada PWDC bagi perancangan promosi dan program sepanjang tahun 2012," ujar Guan Eng.

Katanya lagi, peratusan penglibatan kaum wanita dalam tenaga kerja mahir dan separa mahir di Pulau Pinang jauh lebih tinggi iaitu 53.4% jika dibandingkan penglibatan wanita di peringkat nasional iaitu 45.6%.

## Wanita KADUN Air Putih dihargai



KETUA Menteri sambil ditemani ADUN Air Itam, Wong Hon Wai (dua dari kanan) bergambar kenang-kenangan bersama wanita-wanita yang menerima kuntuman bunga teluki sumbangan khas beliau.

**DIHARGAI**...Walaupun dalam kesibukan tugas harian, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turut sama meraikan sambutan Hari Wanita Sedunia dengan lawatannya ke pasar pagi Air Putih di sini 8 Mac lalu.

Dalam lawatan kira-kira setengah jam tersebut, beliau telah menyampaikan hampir 500 kuntuman bungai teluki (*carnation*) kepada para wanita di lokasi berkenaan. Menurut beliau, golongan wanita harus diraikan tanpa mengira waktu kerana pengorbanan golongan Hawa sangat besar dan tanggungjawab yang digalas tidak semudah yang disangkakan.



# Bahulu asli tanpa pengawet Mak Tam dijual segar setiap hari



WADI Ana Md. Husin memasukkan sukatan gula untuk membuat adunan bahulu.



SELAIN bahulu, antara produk-produk jualan lain adalah kerepek potong, kuih tradisional dan lain-lain.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**MESRA** pelanggan, jangan sombong dan sokongan penuh daripada ibu merupakan rahsia perniagaan pengusaha Bahulu Mak Tam yang terletak di belakang Sekolah Kebangsaan Sungai Korok, Jalan Bharu, Balik Pulau.

Sinonim dengan perwatakan pengusahanya, Wadi Ana Md. Husin, 45, atau lebih mesra dengan panggilan Kak Ana, adalah seorang yang murah dengan senyuman. Malah, sifat mesranya itu amat disenangi para pelanggan yang datang dari dalam dan juga luar negara.

"Jangan sombong, kalau sombong, pelanggan lari dan tak mai dah," jawab Kak Ana sambil tersenyum apabila ditemui Buletin Mutiara (BM) di kediamannya yang juga kilang memproses bahulunya di sini baru-baru ini.

Bercerita mengenai pengalaman kerjanya selama 39 tahun di dalam sektor perkilangan, Kak Ana menyatakan bahawa nekad yang diambil bagi menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan adalah lebih 'menguntungkan'.

"Selain dapat jana pendapatan yang lebih lumayan, saya juga mempunyai masa bekerja sendiri dan apa yang lebih penting adalah masa yang lebih bersama keluarga terutamanya anak-anak," ujarnya.

Setiap hari, Kak Ana meluangkan kira-kira tiga jam bermula pada pukul 8 pagi untuk menyediakan 700 biji bahulu segar. Apabila bahulu siap dibakar, beliau kemudian menghantar bekalan tersebut ke kedai-kedai yang menjadi pelanggan tetapnya. Malah, sekiranya perlu, beliau juga akan menghantar sendiri tempahan-tempahan para pelanggan.



RUPA bentuk bahulu Mak Tam.

Umumnya, pasaran utama Bahulu Mak Tam bertemakan 'Rasa Asli, Pilihan Hati' adalah di Balik Pulau sendiri. Dalam pada itu, terdapat juga permintaan daripada pelanggan-pelanggan luar dari Kuala Lumpur dan Singapura.

Apabila ditanya mengenai pembantunya, Kak Ana hanya tersenyum sinis. Beliau kemudian menyatakan bahawa individu penting yang menjayakan pembuatan bahulunya adalah suaminya yang dipertanggungjawabkan dalam proses pembakaran.

"Eleman terpenting dalam pembuatan bahulu adalah teknik membakar yang mana amat dimahiri suami. Proses keseluruhan pembakaran adalah selama 10 minit. Namun, sekiranya tidak mahir, warna bahulu akan menjadi tidak sekata dan tidak cantik apabila ia masak," ujar Kak Ana sambil menjelaskan bahawa suaminya bekerja sebagai seorang operator di Bayan Baru.

Selepas dimasak, bagi mengekalkan ton warna bahulu, ia perlu diletakkan di dalam kotak. Sekiranya bahulu didedahkan pada suhu luar, warnanya akan luntur. Dalam pada itu, bahulu yang siap dibakar boleh disimpan dalam tempoh dua minggu. Namun, bagi pengekalan rasanya, ia seelok-eloknya dimakan dalam tempoh lima hari.

"Apa yang istimewa adalah bahulu turun temurun keluarga ini adalah diwarisi daripada mak. Memang tiada bahan pengawet dicampur di dalam adunannya. Bahan asas yang digunakan adalah telur, gula dan tepung sahaja," jelasnya sambil menyatakan bahawa harga jualan sebiji bahulu adalah 18 sen – RM10 (bersaiz besar, khususnya untuk tempahan majlis kenduri kahwin).

Bagi Kak Ana, adalah menjadi harapannya untuk memperoleh persijilan halal dan bantuan daripada agensi kerajaan bagi mengembangkan lagi perniagaannya di masa akan datang. Dalam mencapai langkah tersebut, beliau kini dalam proses mengasingkan kilang membuat bahulu daripada kediamannya yang mana ia merupakan langkah pertama dan salah satu syarat wajib yang diperuntukan.

Selain bahulu, produk-produk jualan lain adalah kerepek potong, pakoda, kuih tradisional, biskut, tempeyek dan jeli kering. **Bagi sebarang tempahan, hubungi Kak Ana di talian 012 – 468 0984 atau melalui pesanan khidmat ringkas (SMS).**



ACUAN yang digunakan untuk membuat bahulu Mak Tam.

# “Dengan kerusi roda, ‘Mawar’ sedarkan wanita”

Teks & Gambar Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**



AZIZAH Jamaluddin mesra ketika diwawancara wartawan BM di Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

**NEKAD** untuk meniup kesedaran kepada golongan wanita marhaen di Pulau Pinang membuatkan Azizah Jamaluddin, 61, mengaku bahawa beliau kadang-kadang terlupa mengenai kudrat sebenar dirinya.

Ke mana sahaja program anjuran Persatuan Kebajikan Wanita Mawar Pulau Pinang (Mawar) sejak ditubuhkan pada 25 Januari lepas, Azizah datang dengan kerusi roda. Konsultansi, majlis sumbangan serta kelas pendidikan wanita menjadi di antara agenda utama Mawar di bawah Azizah yang juga setiausaha badan bukan kerajaan (NGO) berkenaan.

Maka, tidak hairanlah jika penampilan buat pertama kali warga emas itu pada majls Jamuan Sempena Hari Wanita Sedunia di Penaga pada 9 Mac lepas telah mengagumkan banyak pihak, termasuk Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng.

Sejak itu, Azizah yang mesra dengan panggilan “Kak Zah” serta Mawar yang digerakkannya itu menerima perhatian serta sokongan langsung daripada Chong Eng serta *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Apa yang ditentukan oleh Allah sebenarnya adalah terbaik untuk kita. Kebetulan, saya dianugerahkan seorang suami yang cukup memahami keadaan saya ini serta senantiasa memberi sokongan moral kepada saya.

“Alhamdulillah, dengan anugerah lapan cahaya mata serta kawan-kawan di sekeliling saya pun menerima saya seadanya, sampai saya berasa saya tiada ‘kekurangan’ berbanding orang lain.

“Saya bersyukur kerana pelancaran Mawar baru-baru ini turut disempurnakan oleh YB Chong Eng (Chong Eng) dan setakat ini PWDC komited membantu Mawar mendekati kaum wanita,” ujarnya ketika sesi wawancara bersama Buletin Mutiara (BM) di sini baru-baru ini.

Menceritakan mengenai keupayaan diri, Azizah berkata kakinya lemah sehingga tidak boleh berjalan kerana serangan demam panas dan mengalami sejenis penyakit yang dikenali sebagai polio.

Tetapi, ketika berusia 5 tahun, beliau nekad untuk berjalan seperti anak-anak normal yang lain.

“Sejak kecil lagi, saya senantiasa mencabar diri. Saya pernah kata ‘aku nak pakai kasut tumit tinggi’ waktu berumur 5 tahun. Dari situ, saya bertatih berjalan dan boleh berjalan, tetapi tidak sempurna seperti kanak-kanak normal yang lain. Setelah menjalani fasa-fasa kehidupan dan pertambahan usia, saya terpaksa menggunakan kerusi roda seperti sekarang.

“Kata orang, pengalaman adalah guru terbaik. Sejak itu, sungguhpun saya ini OKU (orang kelainan upaya), itu tidak pernah menjadi alasan untuk saya patah semangat dan berhenti untuk memberi kesedaran sesama gender dengan saya,” ujar sambil berkata bahawa beliau telah lama menyimpan hasrat untuk menubuhkan sebuah NGO wanita.

Azizah berkata, sebelum beliau berkecimpung dalam pergerakan feminisme tersebut, beliau pernah berkhidmat dalam sektor kerajaan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Berkat pengalaman dalam sektor profesional di institut tersebut, ia menjadi bekalan kepada beliau dalam menggerakkan Mawar sekarang.

“Pengalaman sedikit-sedikit di Mardi banyak membantu saya untuk mendekati golongan profesional wanita bagi bersama-sama menyertai Mawar. Sekarang, Mawar disertai oleh ahli korporat, akauntan, ahli perniagaan dan beberapa tenaga profesional lain.



PENYERTAAN Azizah Jamaluddin di dalam salah satu program ceramah kelompok di Penaga, SPU.

“Dengan semua kekuatan profesional ini, Mawar memberi tumpuan khusus pada keluarga ibu tunggal supaya anak-anak mereka dibela dan tidak cicir dalam pendidikan. Mawar akan mengadakan kelas pendidikan serta mengadakan wacana kesaksamaan gender untuk kaum wanita.

“Inisiatif Mawar ini nampaknya menerima perhatian beberapa pihak korporat. Terbaru, kita (Mawar) dipelawa membantu program CSR (tanggungjawab sosial korporat) oleh syarikat *Dutch Lady*. Mudah-mudahan, perbincangan ini berjaya,” ujarnya.

Dalam pada itu, Azizah berharap Mawar menjadi agen perubahan pendidikan wanita yang penting bagi Kerajaan Negeri sungguhpun NGO yang baru setahun jagung ini diakui menerima perlbagai cabaran.

“Cabaran? Di mana-mana tempat pun ada (cabaran). Mawar paling banyak menerima cabaran berupa persepsi dari sesetengah ahli politik di negeri (Pulau Pinang) ini. Saya tidak pernah menyalahkan mereka kerana budaya menggerakkan NGO untuk menyelami jiwa wanita di negeri ini mungkin sesuatu yang baru bagi mereka yang sudah sekian lama menjadi aktivis parti.

“Tetapi, dengan adanya peribadi seperti Tuan Haji Zolkifly Md Lazim (Mentor Mawar), Haji Johari (ahli korporat), YB Chong Eng (sebagai Penaung) dan Hajjah Aida Yusof Rawa (sebagai penasihat), beberapa tenaga profesional lain, banyak membantu dan memberi sokongan kepada saya dalam menggerakkan NGO feminis ini,” tambah beliau.

# Dasar baru sewa dewan mesra pelanggan

Oleh : **ZULIANA AZIZ**




**SALAH sebuah dewan yang terdapat di Seberang Perai.**

**SEBERANG PERAI –** Bagi memberi perkhidmatan yang murah dan mampu ditanggung pihak penyewa dewan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah melaksanakan dasar baru yang lebih menjimatkan kepada pihak berkenaan bermula 1 Januari lalu.

Dasar sewaan mengikut keluasan dewan dan kadar cukai tanah tahunan adalah lebih menguntungkan para penyewa berbanding kadar penyewaan sebelum ini yang ditetapkan sebanyak RM200 setiap tahun manakala bil utiliti juga ditanggung oleh penyewa.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, dasar sewaan baru tersebut adalah bagi meringankan beban para penyewa yang kebanyakan terdiri daripada masyarakat umum.

"Sehingga kini, masih terdapat banyak dewan orang ramai yang masih kosong dan terbuka untuk disewa bagi kegunaan tertentu para penduduk.

"Di daerah Seberang Perai Utara (SPU), masih terdapat 11 kekosongan, Seberang Perai Tengah (SPT), 22, manakala Seberang Perai Selatan (SPS), 7. Keutamaan akan diberikan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), diikuti Persatuan Penduduk dan kemudiannya Rukun Tetangga," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, katanya, dewan orang ramai tidak boleh disalahgunakan untuk kepentingan peribadi dan agenda tertentu seperti berpolitik dan tidak boleh disewakan kepada pihak ketiga.

"Mereka yang menyewa harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap dewan berkenaan. Dewan dibina bagi memenuhi skim perumahan yang mensyaratkan setiap taman perumahan perlu mempunyai dewan orang ramai bagi kegunaan tertentu dan memudahkan penduduk," jelasnya lagi.

Tambah Lip Chee, sesiapa yang berminat untuk menyewa dewan-dewan yang masih kosong boleh menghubungi Jabatan Kemasyarakatan MPSP di talian 04 – 549 7489 (menghantar surat atau sebarang pertanyaan). Deposit sebanyak RM100 diperlukan bagi setiap permohonan penyewaan dewan selama setahun.



**SALAH satu peniaga berlesen yang menjalankan perniagaan di *Rope Walk*.**

# MPPP kompaun peniaga haram

**GEORGE TOWN –** Bertindak di atas maklumat awam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengeluarkan beberapa kompaun kepada penjaja haram di pasar pagi Lorong Kulit atau lebih dikenali *Rope Walk* oleh masyarakat tempatan di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong ketika diminta mengulas mengenai isu tersebut berkata, pihak MPPP terpaksa mengeluarkan kompaun RM50 kepada peniaga-peniaga tidak berlesen yang datang silih berganti terutamanya pada hujung minggu sehingga mengganggu laluan trafik di kawasan tersebut.

"Pada hujung minggu, bilangan peniaga tidak berlesen meningkat sekali ganda ekoran sambutan para pengunjung yang lebih menggalakkan pada tempoh berkenaan. Malah, apa yang menyusahkan adalah mereka (peniaga haram) kebiasaannya akan menjalankan perniagaan di luar kawasan pagar sehingga menghalang kenderaan melalui kawasan tersebut," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, seharusnya pihak bertanggungjawab juga menjalankan operasi dan siasatan mengenai pembekalan barangan lusuh yang dijual.

"Ini kerana, pihak MPPP hanya boleh mengeluarkan kompaun dan bukannya rampasan barangan," ujarnya sambil menjelaskan bahawa terdapat lebih kurang 400 peniaga berlesen yang menjalankan perniagaan di *Rope Walk*.

# Syarikat digesa mohon maaf langgar proktokol Diraja

**GEORGE TOWN** – Sebuah syarikat pelaburan swasta yang bertanggungjawab dalam pemasangan banting tertera gambar Pemaisuri Agong digesa memohon maaf kepada seluruh rakyat Pulau Pinang ekoran ia didapati tidak mengikuti garis panduan proktokol Diraja ditetapkan.

Selain tidak menggunakan warna yang bersesuaian, pihak syarikat selaku penganjur program dihadiri Permaisuri Agong turut meletak serta memasang banting bersebelahan tandas dan juga kawasan pembuangan sampah. Malah, sejumlah 4,000 banting tambahan (selain 800 yang diluluskan) yang tidak memiliki kelulusan permit daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) turut digantung di seluruh negeri di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong menegaskan bahawa perbuatan tersebut (salah laku protokol penggantungan sepanduk dan penggunaan warna) sama sekali tidak boleh diterima kerana Bahagian Protokol Kerajaan Negeri telah memberi garis panduan kepada syarikat swasta terbabit sebelum kebenaran diberikan MPPP.

"Pada peringkat awal, MPPP telah meluluskan 800 banting yang telah dipohon syarikat swasta berkenaan dengan syarat ia dipasang pada kedudukan atas daripada paras pinggang. Lanjutan itu, disebabkan lokasi yang terhad, permohonan untuk pemasangan 4,000 banting tambahan telah ditolak pihak majlis.




**ONG Ah Teong menunjukkan banting Permaisuri Agong yang dipasang tanpa mematuhi proktokol Diraja oleh sebuah syarikat swasta di sini baru-baru ini.**

"Bagaimanapun, syarikat terbabit tetap berdegil dan memasang banting tambahan tanpa permit di sini. Bagaimanapun, kita (MPPP) tidak akan menurunkan banting-banting tersebut kerana menghormati ketuanan Diraja. Sebaliknya kompaun RM250 akan dikenakan bagi setiap yang dipasang," katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

# Kerajaan Negeri ketatkan permohonan lesen pusat siber

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI –** Bagi mengekang aktiviti tidak bermoral daripada terus berleluasa, Kerajaan Negeri pada tahun 2010 telah mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya mengkaji dan memperhalusi syarat-syarat sebelum meluluskan permohonan lesen sementara bagi pusat-pusat siber seluruh negeri Pulau Pinang.

Arahan tersebut dikeluarkan ekoran daripada masalah perjudian peranti elektronik yang berleluasa pada ketika itu. Pada masa sama, terdapat lambakan pusat siber yang beroperasi tanpa lesen serta tidak terkawal dan ia dibimbangi dapat meruntuhkan akhlak para remaja serta kanak-kanak yang kerapkali menjadikan pusat siber sebagai tempat untuk menghilangkan rasa bosan mereka.

Di antara syarat-syarat dikenakan termasuk bilangan komputer yang seharusnya ada di setiap premis, bilangan pekerja mencukupi untuk memantau aktiviti di pusat siber, pihak pengurusan harus profesional dan berpengetahuan luas dalam bidang berkenaan, perlu mempunyai sijil kelayakan dan larangan pengambilan pekerja asing.

Di samping itu, operasi pusat siber juga dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Permainan video (tidak termasuk permainan komputer), perjudian, gambar-gambar lucah, muzik (muzik pipe) serta penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Dalam pada itu, had umur pengunjung dan masa beroperasi yang dibenarkan juga perlu dititikberatkan dan diambil perhatian oleh pengusaha pusat siber. Syarat-syarat asas lain yang harus dipatuhi adalah seperti larangan penjualan rokok dan minuman keras/ membawa masuk/ merokok di dalam premis, penyediaan buku rekod kemasukan pelanggan bagi semakan pihak berkuasa serta sentiasa menjaga kebersihan premis.



**SOON Lip Chee.**

Menurut Ahli Majlis Majlis Perbancaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee, bagi mengetatkan lagi penguatkuasaan premis pusat siber pada tahun ini, Jabatan Perlesenan dan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan telah mengatur beberapa program penguatkuasaan berjadual. Selain itu, program penguatkuasaan terbabit juga bakal membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berkala.

"MPSP tidak mempunyai kuasa untuk menangkap mereka yang menyalahgunakan pusat siber, tetapi, sentiasa bekerjasama dengan PDRM untuk membuat operasi berkala dari semasa ke semasa," ujar beliau ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tegas beliau, tindakan membatalkan lesen premis perniagaan pusat siber akan dijalankan jika pengusaha berkenaan didapati melanggar syarat-syarat yang termaktub di dalam peraturan lesen atau mendapat aduan pelanggaran syarat daripada PDRM.

# Syarikat swasta dilantik turun banting haram, penguatkuasa tumpu tugas khas

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebuah syarikat swasta, *BHO Enterprise* (BHO) telah dipilih di antara 21 syarikat yang menghantar sebut harga bagi membida tender menurunkan banting haram di sekitar kawasan pulau oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, pihak majlis telah membuka tender kepada syarikat swasta dan orang awam pada Oktober tahun lepas dan kata putus telah dicapai bagi melantik BHO bermula penghujung bulan Februari lalu.

"Semua kerja menurunkan banting haram yang selama ini membebani skop kerja penguatkuasa akan diserahkan kepada mereka (BHO). Ini membolehkan bahagian penguatkuasa majlis menumpukan sepenuhnya kepada kerja-kerja penguatkuasaan seperti kapit roda kenderaan di kawasan larangan, membasmi peniaga haram, kawasan letak kereta haram dan sebagainya," katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Tambahnya, pemantauan akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan kerja-kerja menurunkan banting dijalankan secara menyeluruh dan berkesan.

"Kita (MPPP) telah menetapkan agar BHO menurunkan banting yang tidak mempunyai permit, tamat tempoh dan tidak mengikut syarat ditetapkan. Mereka akan dibayar RM1.40 bagi setiap banting yang diturunkan dan diserahkan kembali kepada MPPP untuk dikitar semula serta dijadikan beg oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh," jelasnya.

Ah Teong berkata, bagi syarikat yang melanggar segala peraturan telah ditetapkan pula akan dikenakan kompaun sebanyak RM250 bagi setiap jalan yang dipasang banting.

"Tahun sudah (2011), menunjukkan angka tertinggi iklan haram yang dikenalpasti oleh pihak majlis iaitu sebanyak 65,509 keping. Setiap tahun, terdapat peningkatan iaitu sejak 2009 (30,866), 2010 (58,994) dan dari bulan Januari hingga Februari 2012 (7,804). Pada tahun 2011, anggaran kutipan bayaran permit banting yang diterima MPPP adalah sebanyak RM1.01 juta manakala sepanduk (RM165,616)," ujarnya.




**ONG Ah Teong (tiga dari kiri), Ahli Majlis MPPP Lim Siew Khim ( dua dari kiri) dan Ramleh Bee Asiahoo (empat dari kanan) menyerahkan ves dan alatan kepada pekerja BHO, baru-baru ini.**

# Mawar komited selesai permasalahan wanita

**Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA –** Persatuan Kebajikan Wanita Negeri Pulau Pinang atau lebih dikenali dengan MAWAR adalah sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan secara rasminya pada 9 Mac lalu bagi memberi peluang kepada kaum Hawa untuk berinteraksi antara satu sama lain dan juga membantu dalam menyelesaikan permasalahan masing-masing.

Dirasmikan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng, MAWAR diinspirasikan oleh Muslimat PAS kawasan Parlimen Kepala Batas yang diterajui oleh Kalsum Said yang juga dilantik sebagai Pengerusi MAWAR Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Chong Eng dalam ucapan perasmian beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan ahli jawatankuasa yang begitu komited dalam merealisasikan penubuhan MAWAR.

“Kesaksamaan jantina bukanlah bererti wanita mendahului lelaki atau terkebelakang, sebaliknya, ia membawa makna seiringan dalam semua perkara,” ujar Chong Eng yang juga Presiden Persatuan *Good Governance and Gender Equality* (3G’s) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga, Rosidi Hussain yang juga menjadi pendorong kepada penubuhan MAWAR menegaskan bahawa pertubuhan tersebut bukanlah landasan politik, sebaliknya, menjadi mentor kepada golongan wanita terutama ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim.

“MAWAR bukan sahaja memberi kaunseling dan dorongan kepada ibu tunggal, tetapi, turut menjadi pembimbing kepada anak-anak yatim dalam pelajaran dan pembelajaran. Itu sasaran MAWAR,” ujar Rosidi.

Tambah beliau lagi, MAWAR yang kini beribu pejabat di Pasir Gebu, Penaga, turut menjadi pembela kepada wanita yang dianiayai atau mengalami tekanan akibat kepincangan rumahtangga dan keganasan domestik.



**JAWATANKUASA penganjur Majlis Makan Malam ‘Wacana Sempena Hari Wanita Sedunia’ bergambar kenang-kenangan bersama Chong Eng (duduk, tiga dari kanan) di sini baru-baru ini.**

Hadir sama di majlis makan malam yang bertemakan ‘Kesaksamaan Gender: Satu Pengenalan’ ialah Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Women’s Development Corporation* (PWDC), Sri Husnaini Sofjan; Ahli Lembaga Pengarah PWDC, Aida Yusof Rawa; Ketua Dewan Muslimat PAS Pulau Pinang, Rahmah Md. Isa dan Penasihat MAWAR, Zulkefli Lazim.

# Surat Kelulusan TOL diserah kepada 9 penduduk



**SALAH seorang penerima Surat Kelulusan TOL, Hashim Ahmad (kanan sekali) menerima dokumen tersebut daripada Jusni Ismail (kiri sekali) sambil disaksikan Rosidi Hussain (dua dari kiri) dan Abd. Rashid Ibrahim (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan rakyat, sebuah Majlis Penyerahan Khas Surat Kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) telah diadakan di Dewan Orang Ramai Penaga, di sini baru-baru ini.

Seramai sembilan penduduk sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga hadir ke majlis tersebut yang disempurnakan oleh Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah telah mengadakan saringan dengan teliti saksama dan telus dalam memastikan hanya mereka yang layak mendapat lesen tersebut. Lesen Pendudukan Sementara diberikan kepada penduduk yang terpaksa berpindah setelah tanah yang mereka tumpang diberikan kepada pihak ketiga.

Hadir sama, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara, Abd. Rashid Ibrahim dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga, Rosidi Hussaini.



**SIM Tze Tzin (berdiri, lima dari kiri) dan Mohamad Shawal Ahmed (berdiri, enam dari kiri) menunjukkan tanda bagus selepas selesainya Majlis Penyampaian Sumbangan Kelengkapan Pakaian Sukan di Padang Bola Sepak Taman Sri Nibong di sini baru-baru ini.**

# Dorongan gilap bakat muda bola sepak

**SEMANGAT...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin percaya dengan sokongan dan dorongan yang ditonjolkan terhadap bakat-bakat muda bola sepak, arena sukan bola sepak negara dapat digegarkan semula.

Beliau yang hadir memberi sumbangan kelengkapan pakaian sukan kepada 20 pemain muda bola sepak Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong (SKSN) di Padang Bola Sepak Taman Sri Nibong turut menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada pasukan tersebut. Turut hadir, Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKSN, Mohamad Shawal Ahmed.

Menurut Shawal, SKSN sudah lama tidak mempunyai pasukan bola sepak dan tahun 2012 menjadi titik tolak komitmen Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang ingin melihat bakat-bakat anak muda tersebut bersinar dan digilap sepenuhnya.

# Sukan Ria Rakyat Sungai Burung muhibbah




**ACARA dam haji gergasi yang mendapat sambutan yang menggalakkan terutama anak-anak muda pada penganjuran Sukan Ria Rakyat di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BALIK PULAU –** Jawatankuasa Qaryah Sungai Burung telah menganjurkan Sukan Ria Rakyat dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dalam usaha memupuk semangat kejiranan dan silaturahim dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Burung di sini baru-baru ini.

Program sehari yang diadakan di perkarangan Sekolah Agama Rakyat bersebelahan Masjid Sungai Burung itu mendapat sambutan di luar jangka.

"Alhamdulillah, tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan program ini yang bukan sahaja dapat mengumpul pelbagai lapisan masyarakat, malah, juga memupuk semangat kekitaan buat penduduk setempat."

"Saya lihat semua peringkat usia datang memberi sokongan dan berseronok di sini, sungguh muhibbah dan meriah," ujar Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail ketika merasmikan acara Sukan Ria Rakyat di sini.

Dalam pada itu, hadir sama ke acara tersebut Pengerusi Qaryah Sungai Burung, Zokiflee Ishak, yang turut teruja dan menyatakan rasa syukur kerana acara yang julung kali diadakan tersebut mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.

"Alhamdulillah, kita akan jadikan ia acara tahun bagi penduduk di Sungai Burung".

"Acara ini turut memberi ruang kepada penduduk Sungai Burung untuk mempromosikan produk-produk keluaran mereka (produk hasil Industri Kecil dan Sederhana – IKS) kepada bukan sahaja penduduk Sungai Burung, malah, pengunjung yang hadir pada hari tersebut," ujar beliau yang turut menyatakan terima kasih kepada agensi kerajaan yang sudi mengambil bahagian dalam acara Sukan Ria Rakyat kali ini.

Sukan Ria Rakyat diserikan dengan acara sukaneka tradisi seperti anyaman sarung cempedak, acara boling tempurung kelapa dan dam gergasi selain acara mewarna bagi kanak-kanak dan peraduan teka kacang.

# Pelajar cemerlang DUN Datuk Keramat dirai

**DATUK KERAMAT –** Seramai 75 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2011 diraikan dalam satu majlis khas, Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) UPSR dan PMR 2011 di sini baru-baru ini.

"Ini (Majlis APC) merupakan salah satu cara menggalakkan anak-anak kita yang masih di bangku sekolah untuk terus berusaha dan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan".

"Anggaplah pengiktirafan ini sebagai galakan untuk melangkah lebih jauh," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo pada ucaptama Majlis APC UPSR dan PMR 2011 di sini baru-baru ini.

Hadir sama ke majlis tersebut adalah Pengarah Eksekutif *Ivory Properties Sdn. Bhd.*, M.Murly yang turut memberi kata-kata semangat kepada para pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Han Chiang, SRJKC Sum Sun, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Mutiara, SMK Abdullah Munshi dan SMK Methodist Lelaki di sini.

Pada majlis tersebut, setiap pelajar cemerlang menerima sebuah hamper kelengkapan peribadi, baucar RM20 dari *Popular (M) Bookstore* berserta sijil pengiktirafan khas ADUN Datuk Keramat.



**SALAH seorang pelajar cemerlang menerima penghargaan khas daripada Jagdeep Singh Deo pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) UPSR dan PMR 2011 di sini baru-baru ini.**

# Bob Lokman turut serta edar Buletin Mutiara



**BOB Lokman (berkopiah, dua dari kiri) bersama Muhasdey Muhamad (depan sekali) mengedarkan risalah Kerajaan Negeri dan naskah Buletin Mutiara kepada para peniaga pasar malam Bertam Perdana, Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.**

**TERUJA...** Salah seorang peniaga pasar malam Bertam Perdana, Pinang Tunggal tidak menyangka bahawa selebriti yang juga pelakon dan penulis lirik, Muhammad Hakim Lokman, 47, atau lebih dikenali sebagai Bob Lokman, singgah memberi salam dan mengedarkan risalah serta Buletin Mutiara di, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru in.

Bob Lokman, yang hadir bersama Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad, singgah di lokasi tersebut setelah mendapat jemputan daripada PPK untuk mengikuti program mingguan di sini.

"Kita sebenarnya tidak merancang. Bob Lokman ingin melihat sendiri gerak kerja PPK dan dia sudi membantu mengedarkan risalah.

"Alhamdulilah, rata-rata peniaga pasar malam terkejut dan teruja apabila beliau (Bob Lokman) singgah di gerai mereka," ujar Muhasdey sambil menyatakan bahawa program turun padang mingguan tersebut merupakan sebahagian daripada programnya bersama rakaya.

# RM100 setiap tahun

Warga Emas

OKU

Ibu Tunggal

Pelajar*

*Tahun 1&4,Tingkatan 1&4

+

## "One-Off"

**RM1,000**
Urusan Jenazah

**RM1,000**
IPTA

**RM200**
Anak Emas

=

BERSATU DAN SETIA